

07 SEP 2001

PAS-Islam

PAS TAK PERLU NYATA SECARA KHUSUS KONSEP NEGARA ISLAM, KATA FADZIL

KOTA BAHARU, 7 Sept (Bernama) -- Presiden PAS Datuk Fadzil Noor berkata PAS tidak perlu menyatakan secara khusus konsep negara Islam yang ingin ditubuhkannya kerana perkara itu sudah dinyatakan dalam perlembagaan parti itu.

Beliau berkata perlembagaan itu sudah menjelaskan bahawa tujuan PAS adalah untuk membentuk pemerintahan yang berjalan mengikut syariat Islam.

"Itulah yang kita sebut secara umumnya, tak perlu kita nyatakan secara khusus... yang penting kita buat penjelasan kepada rakyat," katanya kepada pemberita selepas merasmikan sambutan Jubli Emas PAS di Pusat Tarbiyah Islamiah Kelantan, di Pengkalan Chepa di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad baru-baru ini yang meminta supaya PAS menggariskan secara kertas putih konsep negara Islam yang ingin ditubuhkan oleh parti itu.

Mengenai isu Kumpulan Militan Malaysia (KMM) dan dakwaan sesetengah pihak yang PAS berdiam diri, Fadzil berkata PAS tidak boleh berbuat apa-apa kerana tidak ada maklumat mengenai kumpulan itu.

Beliau berkata kerajaan yang mesti menyelesaikannya.

"Kita menegaskan dari awal hingga sekarang bahawa kita berpegang kepada amalan demokrasi, jadi kita tidak memilih jalan kekerasan untuk berkuasa," kata Fadzil.

Fadzil juga berkata PAS berjuang bersama-sama Barisan Alternatif yang turut dianggotai Parti Keadilan Nasional, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) bertujuan antara lain mewujudkan pemerintahan yang lebih demokrasi.

"Kita komited dengan apa yang telah kita nyatakan dalam manifesto BA... jika rakyat beri kepercayaan kepada BA pada pilihan raya akan datang," katanya.

Bagi mencapai hasrat itu, PAS perlu terus berada bersama-sama Barisan Alternatif untuk menghadapi Umno dan Barisan Nasional (BN), kata Fadzil

-- BERNAMA

WM BD NMO